

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pasukan khas ke Perth	Berita Harian
2.	Pencarian tertumpu pada dua sektor	Sinar Harian
3.	Kenyataan media oleh Kementerian Pengangkutan	BERNAMA
4.	Malaysia to send team to Perth	The Star
5.	Satelit boleh fokus lebih dekat	Sinar Harian
6.	M'sian team to head for Perth	The Sun
7.	Tempoh peralihan Monsun dijangka bermula 29 Mac	BERNAMA
8.	Gempa bumi sederhana landa Utara Lautan Hindi	BERNAMA
9.	Ribut petir dan hujan lebat di Sabah dan Sarawak petang ini	BERNAMA
10.	Risiko angin, ombak bergelora	Sinar Harian
11.	Quake hits Indian Ocean	The Sun
12.	Peralihan monsun bermula 29 Mac	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Pasukan khas ke Perth

Kuala Lumpur: Malaysia akan menghantar pasukan khas ke Perth, Australia bagi misi mencari pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu.

Pasukan yang dianggotai wakil Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Penerbangan Malaysia (MAS), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu akan bekerjasama rapat bersama Pusat Koordinasi Menyelamat Australia dalam membantu melaksanakan misi mencari terbabit.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata operasi mencari semalam diteruskan dengan meliputi kawasan seluas 16,298 batu nautika di sektor Barat dan 6,505 batu nautika di sektor Timur.

Pencarian itu katanya, turut diadakan di kawasan yang dikesan Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) mem-

babitkan 122 objek sebelum itu.

Sembilan pesawat

"Sembilan pesawat digerakkan ke lokasi mencari, iaitu lima pesawat tertumpu di sektor Timur dan empat lagi ke sektor Barat.

"Di sektor Timur operasi mencari dari udara digerakkan oleh dua pesawat Australia dan masing-masing sebuah pesawat Ilyushin IL-76

China, pesawat awam New Zealand dan pesawat Gulfstream Jepun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, misi mencari di sektor Barat digerakkan oleh dua pesawat P-3 Orion dan dua pesawat awam Australia.

"Misi ini seperti yang dinyatakan sebelum ini juga membabitkan enam kapal, iaitu satu di sektor Timur dan lima di sektor Barat.

"Di sektor Timur, pencarian menggunakan kapal Xue Long milik Kerajaan China. Kerajaan China turut menghantar empat kapal lain iaitu Kunlushan, Haikou, Qiandaoohua dan Zhonghaishaohua. Begitu juga Australia yang dibantu kapal HMAS Success," katanya.

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan bagaimanapun berkata, operasi mencari terpaksa ditangguhkan seawal jam 11.40 pagi semalam, berikutan cuaca yang semakin buruk.

Sementara itu, beliau berkata, pasukan peringkat tinggi Malaysia mengadakan pertemuan dengan keluarga mangsa MH370 di Beijing kelmarin, khusus bagi menjelaskan secara terperinci aspek teknikal dan perkembangan terkini operasi terbabit.

"Itu adalah pertemuan keempat kita dan ingin saya tegaskan di sini, Kerajaan Malaysia tetap akan cuba membantu keluarga mangsa di Beijing walaupun ada yang mempertikai usaha ini," katanya.

Pencarian tertumpu kepada dua sektor

SHAH ALAM - Susulan daripada laporan **Agenzia Remote Sensing Malaysia (MRSA)** berkeraan 122 objek yang berpotensi dikaitkan dengan MH370, kerajaan memperluaskan pencarian ke 16.298 persegi batu nautika di sektor barat dan 6,506 batu nautika persegi di sektor timur, Lautan Hindi.

Menurut satu kenyataan media oleh Kementerian Pengangkutan, bagi tujuan itu sebanyak sembilan pesawat dikerahkan membabitkan lima buah ke sektor timur dan empat ke sektor barat.

"Bagi sektor timur, operasi pencarian dikendalikan oleh dua pesawat awam Australia dan masing-masing sebuah pesawat milik China Ilyushin IL-76; pesawat awam New Zealand dan pesawat milik Jepun, Gulfstream.

"Di sektor barat pula, pencarian dikendalikan oleh dua pesawat P-3 Orions dan dua pesawat awam Australia," kata kenyataan tersebut, semalam.

Sementara itu, sebanyak enam kapal turut dikerah dalam operasi pencarian terdiri daripada sebuah di sektor timur dan lima di sektor Barat.

"Di sektor timur, pencarian diketuai oleh kapal milik China iaitu Xue Long, manakala di sektor barat, pencarian dikendalikan empat kapal milik China iaitu Kunlunshan, Haikou, Qiandaohui



Hishammuddin menunjukkan gambar cerapan satelit ketika sidang media, kelmarin.

dan Zhonghaishaohua dan sebuah kapal milik Australia, HMAS Success.

"Sebuah lagi kapal milik China, Hai Xun dijangka tiba di kawasan pencarian malam ini (malam tadi). Hari ini (semalam), kawasan pencarian mengalami cuaca buruk sehingga operasi dihentikan jam 11.40 pagi," katanya.

Terdahulu, imej satelit dikeluarkan Airbus Defence and Space menunjukkan

sebanyak 122 objek berkemungkinan ada kaitan dengan pesawat MH370.

Imej itu kemudian diserahkan kepada MRSA yang ditugaskan untuk menganalisis dan mendapati ada sebahagian objek berukuran 23 meter panjang, kelihatan terang dan mungkin menunjukkan ia daripada bahan pepejal.

Objek terletak kira-kira 2,557 kilometer dari Perth, Australia.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)



Kenyataan Media Oleh Kementerian Pengangkutan

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Berikut kenyataan media oleh Kementerian Pengangkutan hari ini mengenai perkembangan terkini pencarian Pesawat Malaysia Airlines MH730:

1. Wakil khas China

- a. Semalam, Yang Terutama Naib Menteri Hal Ehwal Luar China dan Wakil Khas Kerajaan China, mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Pemangku Menteri Pengangkutan dan Menteri Pertahanan.
- b. Susulan pertemuan dengan Datuk Seri Hishammuddin, Tuan Yang Terutama Zhang Yesui juga diberi taklimat teknikal komprehensif oleh kumpulan kerja antarabangsa, diketuai AAIB. Penemuan Inmarsat - yang menghasilkan rumusan bahawa Penerbangan MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi, juga dijelaskan semasa pertemuan itu.
- c. Pentadbiran Penerbangan Awam China (CAAC) dan Jabatan Penyiasatan Kemalangan Pesawat (AAID) hadir pada taklimat teknikal semalam. CAAC dan AAID menganggotai, dan akan terus menjadi anggota kumpulan kerja antarabangsa.
- d. Hari ini, Yang Terutama Zhang Yesui juga menemui anggota keluarga penumpang warga China pesawat MH370 yang kini berada di Kuala Lumpur.
- e. Malaysia mempunyai komitmen untuk bekerjasama rapat dengan Kerajaan China dan berkongsi secara penuh semua maklumat berhubung dengan MH370.

2. Taklimat keluarga di Beijing

- a. Semalam, delegasi tertinggi Malaysia menemui anggota keluarga penumpang MH370 warga China yang berpusat di Beijing, untuk kali keempat. Dalam pertemuan selama tiga jam, anggota keluarga diberi taklimat teknikal dan perkembangan terkini mengenai misi pencarian. Delegasi juga menjawab pertanyaan. Hari ini, delegasi tertinggi sekali lagi menemui anggota keluarga pukul 3:25 petang waktu Malaysia. Pertemuan masih berlangsung.
- b. Malaysia sedang bekerja keras dan menjadikan taklimat kepada anggota keluarga di Beijing lebih produktif. Para pegawai Malaysia menemui Yang Terutama Huang Huikang, Duta China ke Malaysia, untuk meminta Kerajaan China mengambil bahagian dan menjelaskan keadaan sebenar khususnya kepada keluarga terbabit dan rakyat China secara umum.

3. Perkembangan terkini operasi

- a. Kawasan pencarian yang dirancang hari ini meliputi 16,298 batu nautika persegi di sektor Barat, dan 6,506 batu nautika persegi di sektor Timur.
- b. Kawasan yang dikenali pasti oleh **Agenzi Remote Sensing Malaysia (MRSA)** semalam -- iaitu lokasi 122 objek yang berpotensi dikesan -- juga dijangka dijejaki hari ini.
- c. Hari ini, sembilan pesawat berlepas ke kawasan pencarian - lima di sektor Timur dan empat di sektor Barat.

Di sektor Timur, pencarian dari udara dijalankan oleh:

- Dua pesawat awam Australia.
- ◆ Sebuah pesawat Ilyushin IL-76 China.
- ◆ Sebuah pesawat awam New Zealand.
- ◆ Sebuah pesawat Gulfstream Jepun.

Di sektor Barat, pencarian dari udara dilancarkan oleh:

- ◆ Dua pesawat P-3 Orions Australia.
- ◆ Dua pesawat awm Australia.

- d. Hari ini, enam kapal dikerah di kawasan pencarian - satu di sektor Timur dan lima di sektor Barat.

Di sektor Timur, pencarian oleh kapal dijalankan oleh:

- ◆ Sebuah kapal China (Xue Long).

Di sektor barat, pencarian oleh kapal dilancarkan oleh:

- ◆ Empat kapal China (Kunlunshan, Haikou, Qiandaohui, dan Zhonghaishaohua).
- ◆ Sebuah kapal Australia (HMAS Success).

- e. Sebuah kapal China (Hai Xun) dijangka tiba di kawasan pencarian malam ini.

- f. Hari ini, keadaan cuaca bertambah buruk di kawasan pencarian dan operasi mencari ditangguhkan pukul 11:40 pagi.

4. Pasukan Malaysia ke Perth

- a. Malaysia dalam proses untuk menghantar satu pasukan, terdiri daripada Jabatan Penerbangan Awam, MAS, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia, ke Perth. Pasukan ini akan bekerjasama rapat dengan Pusat Koordinasi Menyelamat Australia untuk membantu operasi pencarian.

Malaysia to send team to Perth

Group to work with Australia and other countries in search and recovery ops

KUALA LUMPUR: Malaysia will send a team to Perth to work with Australia and the other countries involved in the intensive search and recovery operations for the missing MH370 craft.

In a statement here, the Transport Ministry said the team was made up of representatives from the Department of Civil Aviation, Malaysia Airlines, the Royal Malaysian Navy and the Royal Malaysian Air Force.

"This team will work closely with the Australian Rescue Coordination Centre in the search operations," said the statement, which was issued in lieu of the usual press conference by acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein at the Putra World Trade Centre here.

The statement said the search in the southern Indian Ocean where Malaysia Airline craft was deemed to have ended its journey - covering a planned area of 16,296 square nautical miles in the west sector and 6,506 square nautical miles in the east sector - was suspended due to deteriorating weather conditions at 11.40am yesterday.

This included an area identified by the Malaysian Remote Sensing Agency where 122 potential objects were sighted.

"Today (Thursday), nine planes travelled to the search area - five in the east sector and four in the west," the statement said.

In the east sector, air searches were done by two Australian civilian aircraft, a Chinese Ilyushin IL-76,



a New Zealand civil aircraft and a Japanese Gulfstream.

In the west sector, Australia sent two P-3 Orions and two civilian aircraft.

The ministry said six ships were deployed, including a Chinese vessel *Xue Long* in the east sector.

Four other Chinese vessels - the *Kunlunshan*, *Haikou*, *Qiandaohui* and *Zhonghaishaohua* - and the Austra-

lian ship *HMA Success* were sent to the west sector.

On the family briefings by a high-level Malaysian team in Beijing, it said their fifth meeting started at 3.25pm (Malaysian time) yesterday.

In their fourth meeting that lasted for three hours on Wednesday, the officials gave relatives of the Chinese victims a technical briefing and updates on the search operations.

"Malaysia is working hard to make the briefings more productive," the ministry said, adding that the officials met China's ambassador to Malaysia Huang Huikang to request his government to clarify the actual situation to the affected families and the Chinese public in general.

The ministry said the Chinese

government's special envoy Zhang Yesui met Chinese relatives in Kuala Lumpur yesterday.

Zhang, who is China's Foreign Affairs Vice-Minister, was also given a comprehensive technical briefing by the international working group, led by Britain's Air Accidents Investigation Branch (AAIB), after he met Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Hishammuddin on Wednesday.

This included explanations on the Inmarsat findings that led investigators to conclude MH370 had ended its flight in southern Indian Ocean.

"Malaysia is committed to working closely with the government of China and to sharing all information related to MH370 in full," the statement said.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (TRAGEDI MH370) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Satelit boleh fokus lebih dekat

BANTING – Imej dirakam satelit sebenarnya boleh difokuskan lebih dekat agar dapat dipastikan objek dikesan itu adalah serpihan pesawat MH370 ataupun tidak.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr Noordin Ahmad berkata, ia termasuklah 122 objek yang dikesan satelit Perancis, di Lautan Hindi, kelmarin.

Namun katanya, jika serpihan itu papan putih, ia masih susah untuk dikenal pasti.

"Kalau ada tanda-tanda unik seperti tingkap atau kerusi, baharulah dapat dipastikan ia memang serpihan dari pesawat MAS itu."

"Contohnya resolusi imej satelit World View-2 yang digunakan oleh Australia boleh fokus hingga 0.5 meter objek tersebut. Namun data kita terima agak kabur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sejauh mana satelit dapat mencerap objek yang dirakam terutama objek ditemui sekitar Lautan Hindi.

Katanya, mungkin imej sebenar satelit tidak boleh diberikan kepada negara lain kerana ia adalah maklumat rahsia se-



DR NOORDIN

tiap negara.

"Jika mereka benarkan kita lihat imej tersebut, negara kita boleh fokus lebih dekat objek itu menggunakan perisian yang kita miliki."

"Kita boleh minta imej itu tetapi selalunya kita kena bayar kepada mereka kerana kos satelit sangat mahal," katanya.

Operasi mencari dan menyelamat (SAR), menggunakan tiga jenis satelit iaitu satelit komunikasi, satelit penderiaan jauh dan satelit GPS.

"Satelit penderiaan jauh berfungsi merakam imej. Satelit komunikasi berfungsi berkomunikasi dengan pihak lain dan satelit GPS digunakan menentukan koordinat lokasi pencarian," katanya.

M'sian team to head for Perth

> Members will assist officials at the Australian Rescue Coordination Centre

KUALA LUMPUR: The government is sending a team to Perth to work with the Australian Rescue Coordination Centre in the ongoing search for MH370.

The Transport Ministry, in a statement, said the team will comprise representatives from the Civil Aviation Department (DCA), Malaysia Airlines (MAS), Royal Malaysia Navy (RMN) and Royal Malaysian Air Force (RMAF).

It said search operations carried out yesterday had to be suspended at about 11.40am due to poor weather.

The ministry added that a total of nine airplanes and six ships were deployed at both the planned area - which is 16,298 square nautical miles in the west sector, and 6,506 square nautical miles in the east sector.

It added that the area was identified by the Malaysian Remote Sensing Agency on Wednesday - where the 122 potential objects

were sighted.

On Wednesday, Defence and Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein had said that French and Chinese satellites had captured images that show 122 floating objects some 2,500km south-west from Perth.

This appears to be the strongest lead that the search and rescue (SAR) have come across 20 days after MH370 went missing in the early morning of March 8.

The statement also said that the high-level delegation in Beijing again met with grieving and increasingly agitated Chinese families of passengers on board the ill-fated flight and briefed them on the latest information on SAR operations.

The delegation is also engaging China's ambassador to Malaysia Huang Huikang to request the Chinese government's help to clarify the situation with the families.

Meanwhile, scheduled press conferences by Malaysia Airlines and the Transport Ministry, supposed to be held at the KL International Airport and PWTC, were cancelled.

No reasons were given for the cancellation.



**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)



Tempoh Peralihan Monsun Dijangka Bermula 29 Mac

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** menjangkakan negara ini akan melalui tempoh peralihan monsun bermula 29 Mac sehingga awal Mei depan.

Menurut kenyataan MetMalaysia, fenomena ribut petir dan hujan lebat diramal lebih kerap berlaku dalam tempoh peralihan itu terutama di kawasan sekitar negeri pantai barat Semenanjung Malaysia dan pedalaman Kelantan, Terengganu serta Pahang.

Fenomena seumpama ini biasanya berlaku pada sebelah petang dan awal senja.

MetMalaysia menyatakan angin kencang dan banjir kilat juga dijangka berlaku dalam tempoh peralihan monsun itu.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat cuaca terkini boleh menghubungi talian Hotline di 1-300-22-1MET atau layari laman sesawang MetMalaysia.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)



Gempa Bumi Sederhana Landa Utara Lautan Hindi

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda utara Lautan Hindi pada 12 tengah hari Khamis.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata pusat gempa itu terletak 809km ke barat daya Great Nicobar, India dan 1,453km ke barat daya Langkawi, Kedah.

Kejadian itu tidak mengakibatkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)



Ribut Petir Dan Hujan Lebat Di Sabah Dan Sarawak Petang Ini

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Ribut petir dan hujan lebat di beberapa bahagian sekitar Sabah dan Sarawak dijangka berterusan sehingga awal petang ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** di sini Khamis, kawasan yang terlibat di Sabah ialah Kudat (Daerah Pitas) dan Sandakan (Daerah Beluran dan Sandakan).

Pada masa sama, keadaan ini diramal turut berlaku di Sarawak melibatkan bahagian Mukah, Sibu, Sarikei, dan Betong (Daerah Saratok dan Betong), Sri Aman (Daerah Sri Aman), Samarahan (Daerah Asa Jaya, Samarahan dan Simunjan) dan Kuching (Daerah Kuching).

Keadaan ribut petir dan hujan lebat ini mungkin menyebabkan berlakunya angin kencang di kawasan terlibat.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (TRAGEDI MH370) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Risiko angin, ombak bergelora

SHAH ALAM - Kelajuan angin dan ketinggian ombak merupakan risiko utama yang perlu dihadapi oleh pasukan penyelamat dalam usaha mencari kotak hitam, bangkai atau serpihan objek pesawat MH370 di selatan Lautan Hindi.

Pengarah Pusat Ramalan Cuaca, Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah berkata, ombak besar setinggi 6 meter selain kelajuan angin mencecah 40 knot (74 kilometer sejam) menyebabkan proses pencarian menjadi rumit.

"Dua perkara tersebut selain perubahan yang sentiasa berlaku di dasar Lautan Hindi dilihat berkemungkinan akan memanjangkan tempoh pencarian," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, hanya mereka yang benar-benar berpengalaman sahaja dirasakan mampu menghadapi

dan mengharungi situasi sukar itu.

"Sifat dinamik Lautan Hindi di mana keadaan dasar selain faktor cuaca yang sering berubah-rubah memerlukan pakar untuk mengendalikan misi terbatit," katanya.

Beliau berkata, kedalam-an Lautan Hindi antara 3,000 hingga 8,000 meter turut memerlukan kelengkapan khusus seperti pesawat selam (Submersible) dan Kenderaan Kawalan Bawah Laut (ROUV) untuk membantu memudahkan usaha pencarian pesawat berkenaan.

Ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan taufan Gillian juga merupakan antara ancaman dalam melancarkan operasi menyelamat, Helmi berkata, taufan itu hanya dikesan di sekitar kawasan Pulau Krismas selain tidak melanda lokasi pencarian.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Quake hits Indian Ocean

KUALA LUMPUR: A moderate earthquake, measuring 5.5 on the Richter scale, occurred at noon in the northern Indian Ocean today, according to the Meteorological Department. It said in a statement that the epicentre of the quake was located 809km southwest of Great Nicobar, India, and 1,453km southwest of Langkawi, Kedah. The quake did not pose any tsunami threat, it added. - Bernama

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 30
TARIKH: 28 MAC 2014 (JUMAAT)

Kuala Lumpur

Peralihan monsun bermula 29 Mac

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menganggarkan negara ini akan melalui tempoh peralihan monsun berikut 29 Mac sehingga awal Mei depan.

Menurut kenyataan MetMalaysia, fenomena ribut petir dan hujan lebat diramal lebih kerap berlaku dalam tempoh peralihan itu terutama di kawasan sekitar negeri pantai barat Semenanjung Malaysia dan pedalaman Kelantan, Terengganu serta Pahang.

Fenomena seumpama ini biasanya berlaku pada sebelah petang dan awal senja.

MetMalaysia menyatakan angin kencang dan banjir kilat juga dijangka berlaku dalam tempoh peralihan monsun itu.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat cuaca terkini boleh menghubungi talian Hotline di 1-300-22-1MET atau lari laman sesawang MetMalaysia. - BERNAMA